Available online at https://jcis.uitm.edu.my

e-ISSN: 0128-0902

Journal of Contemporary Islamic Studies 12(2) 2026

Journal of Contemporary Islamic Studies

Taʿāwun Teras Pemberdayaan Komuniti Terpinggir di Perkampungan Pelupusan Sampah Sandakan, Sabah

(*Taʿāwun* as Core of Empowering Marginalized Communities in the Waste Disposal Villages of Sandakan, Sabah)

Mohamed Rahmat Tandra[1], Suraya Sintang[2*], Mohd Nazmi Mohd Kahalli @ Sami[3]

[1]*Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah*
[2]*Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah*
[3]*Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sabah, 88997 Kota Kinabalu, Sabah*

ARTICLE INFO

Article history:
Received 29 June 2026
Revised: 2 August 2026
Accepted 17 September 2026
Published 1 October 2026

Keywords:
komuniti terpinggir
nilai Islam
pemberdayaan komuniti
perkampungan pelupusan sampah
Sandakan Sabah
Taʿāwun

DOI:
https://doi.org/10.24191/jcis.v12i2.4

ABSTRACT

This study aims to explore the concept of *taʿāwun* (mutual assistance) and its role in empowering the marginalized community, with a focus on underprivileged people communities facing multiple dimensions of poverty in the landfill settlement of Batu 8, Sandakan, Sabah. This study employed a qualitative case study approach, triangulating data through semi-structured interviews, field observations, and document analysis. The collected data were then comprehensively analysed using thematic analysis. This study is expected to propose a strategic empowerment model based on the principles of *taʿāwun*. The contribution of this study not only enriches the academic literature related to Islamic values in the context of social empowerment, but can also be applied in formulating social policies and designing more practical and inclusive community development initiatives, in line with the Sustainable Development Goals SDGs) 1 and 10, particularly in efforts to eradicate poverty resulting from social inequality.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneliti konsep taʿāwun dan perannya dalam memberdayakan komuniti terpinggir yang menghadapi pelbagai dimensi kemiskinan di perkampungan pelupusan sampah, Sandakan, Sabah. Pendekatan kualitatif dengan kaedah kajian kes digunakan, melibatkan kutipan data melalui temu bual separa berstruktur, pemerhatian lapangan, dan analisis dokumen. Data yang diperoleh kemudian dianalisis secara tematik. Hasil kajian dijangka akan memberikan cadangan produk pemberdayaan strategik komuniti terpinggir berasaskan prinsip *taʿāwun*. Sumbangan kajian bukan sekadar memperkayakan literatur akademik berkaitan nilai-nilai Islam dalam konteks pemberdayaan sosial, malah boleh diguna pakai dalam menggubal dasar sosial serta merangka pembangunan komuniti yang lebih praktikal dan inklusif, selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) 1 dan 10, khususnya dalam usaha membasmi kemiskinan akibat ketidakseimbangan sosial.

[2*]Corresponding author. *E-mail address:* suraya@ums.edu.my

©Authors, 2026

PENGENALAN

Usaha untuk mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals* (SDGs)) sedang berdepan dengan cabaran penempatan tidak formal dan setinggan di seluruh dunia. Dengan catatan rekod daripada UN-Habitat (2023), sebanyak lebih daripada satu bilion orang atau 24.2% daripada penduduk bandar global tinggal di kawasan setinggan, yang mengalami kekurangan ciri-ciri yang diharapkan daripada sebuah bandar formal (Samper & Liao, 2023). Fenomena ini menunjukkan keterpinggiran komuniti dalam aspek sosial, ekonomi, dan persekitaran yang mencetuskan kemiskinan dalam pelbagai dimensi, termasuk kemiskinan kewangan, ekonomi, material, sosial, persekitaran, musim, dan kesihatan (Gweshengwe & Hassan, 2020). Situasi yang disebutkan lazimnya dialami oleh mereka yang memiliki status "tanpa kewarganegaraan/bukan warganegara", disebabkan terlepas peluang untuk memperoleh kemudahan akses kepada keperluan asas dan hak asasi secara formal (UNHCR, n.d.), sehingga memaksa mereka untuk tinggal di kawasan setinggan.

Berbicara tentang masyarakat tanpa kewarganegaraan, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) (2025) telah menerbitkan "Statistik Migrasi Antarabangsa, Malaysia, 2025", membentangkan statistik stok (jumlah terkumpul, bukan pergerakan keluar masuk) bukan warganegara dengan standard yang disyorkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Rajah 1 memaparkan anggaran semasa pertengahan tahun 2025 bagi populasi bukan warganegara di Malaysia berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020.

Rajah 1. Anggaran Populasi Bukan Warganegara di Malaysia pada Pertengahan Tahun 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2025)

Walaupun terdapat sedikit penurunan selepas pandemik COVID-19 (2023-2025), sehingga kini Negeri Sabah masih mempunyai jumlah bukan warganegara yang paling ramai berbanding negeri-negeri lain di Malaysia iaitu seramai 1,040,200 orang. Komuniti terpinggir khususnya yang tidak mendapat pengiktirafan kewarganegaraan sememangnya sinonim dengan kemiskinan kerana mereka mengalami kekurangan material yang melampau dan terdedah kepada eksploitasi akibat terputus daripada keperluan asas dan hak asasi seperti infrastruktur, pendidikan, pekerjaan, perlindungan

https://doi.org/10.24191/jcis.v12i2.4 ©Authors, 2026

undang-undang, peluang ekonomi dan akses kepada sumber yang boleh meningkatkan kualiti hidup (Townsend, 1979; World Bank, 2020; Arendt, 1951).

Namun, teori *Social Exclusion* oleh Levitas et al. (2007) menambah lapisan kemiskinan yang bukan hanya sekadar kekurangan pendapatan, tetapi juga melibatkan peminggiran sosial yang menghalang penyertaan penuh dalam masyarakat. Dalam konteks Islam, ciri-ciri komuniti terpinggir yang telah dibincangkan menunjukkan bahawa mereka termasuk dalam golongan *ḍuʿafāʾ* (lemah secara peribadi: ekonomi, fizikal, atau sosial) dan *mustaḍʿafīn* (ditindas atau dilemahkan secara struktur atau sistem kuasa), yang menuntut usaha kolektif (*taʿāwun*) pelbagai pihak untuk mengeluarkan mereka daripada kedudukan tersebut (Novanto & Aji, 2021).

Komuniti terpinggir dalam kajian ini ditakrifkan sebagai kelompok yang terasing daripada arus pembangunan utama akibat tiga faktor utama: ketiadaan akses kepada sumber ekonomi formal, status tanpa kerakyatan, dan penempatan tidak formal. Komuniti perkampungan pelupusan sampah di Sandakan merupakan contoh jelas, di mana penduduk bergantung pada aktiviti tidak formal, tanpa jaringan keselamatan sosial kerajaan. Walaupun memiliki modal sosial yang tinggi melalui jaringan *taʿāwun*, mereka menghadapi keterbatasan modal material dan akses kepada perkhidmatan asas seperti pendidikan dan kesihatan.

Hasil lawatan lapangan mendapati perkampungan pelupusan sampah di Sandakan terdiri daripada Kampung Pisang, Kampung Baru, Kampung Melayu, Kampung Wantutik, Kampung Kandang Kuda dan Kampung Keluarga dengan anggaran lebih 1,000 orang penduduk (Inf1, komunikasi peribadi, 21 Julai 2025). Mereka menghadapi kekurangan dalam kemudahan asas dan terpaksa mencari sisa makanan daripada sisa pembuangan sampah dan timbunan sampah turut dijadikan lubuk rezeki (Buletin TV3, 2019). Berbeza dengan komuniti Bandar Sampah (*Garbage City*), Manshiyat Nasser di Kaherah, Mesir, walaupun ekonominya berkisar pada kitar semula sampah bandar, kajian Wiącek (2020) mendedahkan kegiatan ekonomi di *Garbage City* sudah matang, dengan hierarki kerja yang jelas, termasuk penggunaan mesin dan teknologi asas. Perbezaan yang ketara ini bagi Mapa et al. (2024), mengheret komuniti perkampungan pelupusan sampah kepada masalah yang lebih kritikal, disebabkan ketiadaan akses terhadap jaringan keselamatan dan sokongan sosial, ekonomi yang formal, kesukaran dalam memperoleh dokumen pengenalan diri, ketiadaan infrastruktur asas, dan ketidakmampuan untuk mengakses peluang pembangunan yang lebih baik.

Di sebalik segala kekurangan, komuniti seperti ini sering menunjukkan keupayaan bertahan melalui semangat kekitaan dan gaya hidup kolektif. Soth (2022) menyatakan bahawa, amalan gotong-royong dan perkongsian sumber adalah antara elemen yang memastikan kelangsungan hidup komuniti setinggan. Dalam perspektif Islam, amalan ini sehaluan dengan konsep *taʿāwun* atau tolong-menolong dalam mencapai "keadilan sosial". Dalam konteks ini, prinsip *taʿāwun* dalam Islam, yang menggalakkan tolong-menolong untuk kebaikan bersama, boleh menjadi satu mekanisme penting untuk memperbaiki keadaan hidup komuniti terpinggir seperti di perkampungan pelupusan sampah.

Terdapat kajian terdahulu berkaitan manifestasi *taʿāwun* terhadap sosioekonomi komuniti. Kajian tentang "*Empowering Responsible Consumers Through Taʿāwun (mutual cooperation) For Sustainability*" oleh Sarif et al. (2024) menekankan potensi besar *taʿāwun* dalam memacu *responsible consumption* (penggunaan bertanggungjawab) dan pembangunan mampan melalui nilai kolektif, kepercayaan, dan sokongan sosial; serta keberkesanan *taʿāwun* yang bergantung kepada komunikasi terbuka, kepercayaan, dan akauntabiliti yang diiringi kesedaran terhadap nilai keagamaan atau nilai kesedaran beragama (takwa). Namun masih wujud cabaran besar dalam mempraktikkan prinsip ini secara holistik di kawasan yang berhadapan dengan kekurangan infrastruktur asas dan peminggiran sosioekonomi yang sistemik. Hal ini, mendorong pengkaji untuk meneliti tentang peranan *taʿāwun* dalam memberdayakan komuniti perkampungan pelupusan sampah, dengan mengambil kira kegiatan sosioekonomi komuniti tersebut, agar model pemberdayaan berasaskan *taʿāwun* yang lebih efisien dan praktikal boleh diutarakan.

https://doi.org/10.24191/jcis.v12i2.4 ©Authors, 2026

SOROTAN LITERATUR

Analisis Konsep *Taʿāwun*

Konsep *taʿāwun* dikenali sebagai tolong-menolong dalam menjalani kehidupan bermasyarakat (Muhamad, Mohamed, Haron, & Abdul Rahman, 2004; Mohd Khalli, Sintang, Mohd Khambali @ Hambali, Marinsah, & Abdul Rahman, 2021), adalah bersandarkan falsafah "الفردللجماعة والجماعة للفرد" (individu untuk masyarakat dan masyarakat untuk individu) (Majma' al-Lughah al-Arabiyyah, 2004). Seperti firman *Allāh*:

وَتَعَاوَنُواْ عَلَى ٱلۡبِرِّ وَٱلتَّقۡوَىٰۖ وَلَا تَعَاوَنُواْ عَلَى ٱلۡإِثۡمِ وَٱلۡعُدۡوَٰنِۚ

> Terjemahan: Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan.
>
> Surah al-Maidah, 5: 2

Ulama klasik telah menjelaskan batasan keperluan dan larangan bagi *taʿāwun* dalam surah Al-Maidah, ayat 2 seperti berikut:

> قال أبو جعفرٍ رحمه الله: يعنى جلَّ ثناؤُه بقوله: (وَتَعَاوَنُوا عَلَى ٱلْبِرِ وَالتَّقْوَى): ولْيُعِنْ بعضُكم بعضًا أيُّها المؤمنون على البرّ، وهو العملُ بما أمَر الله بالعملِ به، والتقوى هو اتِّقاءُ ما أمَر اللهُ باتِّقائِه واجْتِنابِه مِن مَعاصِيه. وقوله: (وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثمِ وَٱلْعُدْوَانِ) يعنى: ولا يُعِنْ بعضُكم بعضًا على الإثمِ. يعنى: على تركِ ما أمَرَكم الله بفعله (وَالْعُدْوَانَّ) يقولُ: ولا على أن تتجاوزا ما حدَّ اللهُ لكم فى دينِكم، وفرَض لكم فى أنفسكم وفى غيرِكم.
>
> Terjemahan: "Dan hendaklah sebahagian kamu membantu sebahagian yang lain": wahai orang orang-orang beriman, dalam perkara kebaikan (*al-birri*), iaitu melaksanakan apa yang telah *Allāh* perintahkan, dan ketakwaan (*al-taqwā*) iaitu menjauhi apa yang telah *Allāh* larang dan menghindari dosa. "Janganlah sebahagian kamu membantu sebahagian yang lain dalam melakukan dosa", dosa (*al-ithm*) di sini membawa makna: meninggalkan apa yang telah *Allāh* perintahkan, sementara "pencerobohan/pelanggaran" (*al-ʿudwān*) bermaksud: melampaui batas yang telah *Allāh* tetapkan dalam agama kamu, atau melanggar hukum-hukum yang telah *Allāh* wajibkan ke atas diri kamu dan orang lain.
>
> Al-Tabari (1987)

Penjelasan tersebut sinonim dengan prinsip *ḥablun min Allāh wa ḥablun min al- nās* (Hassan & Zakaria, 2011) – hubungan vertikal dengan *Allāh* melalui ibadah dan sifat rohani, serta hubungan horizontal sesama manusia berasaskan empati, tolong-menolong, dan *ʾamr bi-l-maʿrūf wa-n-nahyʾan al-munkar* (Albana, Zulaiha, & Fathurrahman, 2026). Ibnu Khaldun (2005), juga dipetik dalam Cahyani & Widaningsih (2019), turut mengaitkan *taʿāwun* dengan *ʿaṣabiyyah* (solidariti sosial) sebagai faktor kestabilan tamadun, khususnya dalam memastikan keadilan sosial bagi golongan terpinggir. Pelaksanaan *taʿāwun* sebagai *farḍ kifāyah* – tanggungjawab sosial kolektif secara langsung menyokong pencapaian *maqāṣid al-sharīʿah*, iaitu penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta (Don, 2022; Azman Ab Rahman, Rahim, & Omar, 2017).

Beberapa kajian lepas membuktikan kesan positif *taʿāwun* terhadap sosioekonomi komuniti terpinggir: peranannya dalam pengurangan kemiskinan di Makassar, Indonesia, walaupun berdepan cabaran etika sosial dan kefahaman agama yang terhad (Matandra, Wahab, & Syaharuddin, 2020); aplikasinya melalui organisasi seperti Wahdah Inspirasi Zakat (Yolleng, Haddade, & Fatmawati, 2023); serta peranannya dalam industri Takaful Malaysia bagi menyediakan perlindungan inklusif kepada golongan kurang berkhidmat (Puad, Ahmad, Shahar, & Mukhsar, 2023). Kajian Sarif (2018) turut menunjukkan *taʿāwun* strategik berpotensi membentuk masyarakat pintar yang lestari dan berdaya keusahawanan, manakala (Khalli, et al., 2024) mendapati amalan *taʿāwun* melalui institusi

masjid turut menyumbang kepada pencapaian SDGs merangkumi pembasmian kemiskinan, pendidikan, dan kesihatan.

Pemberdayaan Kommuniti Terpinggir

Konsep pemberdayaan merujuk kepada proses individu, organisasi, dan komuniti memperoleh kuasa ke atas urusan mereka dalam aspek sosial, ekonomi, dan politik, melalui pengukuhan modal sosial – jaringan hubungan dan kepercayaan antara ahli komuniti (Rappaport, Swift, & Hess, 1984; Putnam, 2000). Pemberdayaan ini selaras dengan konsep *taʿāwun*, iaitu kerjasama yang telah diamalkan secara global melalui perpaduan dan solidariti bagi memenuhi matlamat ekonomi dan sosial serentak (Rahman & Zakaria, 2018; McKee, Kagan, & Ghosh, 2019; Sarif, et al., 2021).

Dalam kajian ini, pemberdayaan komuniti terpinggir merujuk kepada proses meningkatkan kemampuan dan kemandirian komuniti melalui: (i) pengukuhan modal sosial seperti jaringan, kepercayaan, dan kerjasama (*taʿāwun*); (ii) peningkatan akses kepada peluang ekonomi, pendidikan, kesihatan, dan perkhidmatan asas; dan (iii) pembangunan kapasiti melalui pendidikan dan latihan kemahiran, membolehkan komuniti mengambil peranan aktif dalam menentukan hala tuju pembangunan mereka sendiri. Dalam konteks perkampungan pelupusan sampah di Sandakan, pemberdayaan sedemikian bertujuan mengurangkan kebergantungan kepada bantuan luar dan mencapai kelestarian hidup berlandaskan prinsip Islam.

Pendekatan seperti *Asset-Based Community Development* (ABCD) oleh Kretzmann & McKnight (1993) – yang menekankan pemanfaatan aset dalaman komuniti sebelum bergantung pada sokongan luar – serta pendekatan partisipatori Chambers (1997) dan model "Pembangunan sebagai Kebebasan" Sen (1999), turut menyokong prinsip bahawa pembangunan perlu lahir daripada penglibatan aktif komuniti sendiri. Dalam kerangka Islam, nilai *taʿāwun* (tolong-menolong, gotong-royong, solidariti) dapat difahami sebagai "aset sosial" yang selari dengan idea-idea ini, sekali gus melengkapkannya dengan dimensi kerohanian, iaitu kebebasan daripada dosa dan kezaliman menuju ketakwaan.

Dari sudut pemberdayaan ekonomi, inklusi kewangan memberikan golongan tanpa kerakyatan akses kepada perkhidmatan seperti simpanan, kredit, dan pembayaran digital (Atta, 2023; George & Thomachan, 2018), seperti inisiatif e-dompet TNG bagi pelarian dan pemohon suaka oleh UNHCR Malaysia dan TNG Digital (2025) dengan integrasi kewangan syariah terbukti memperkukuh keberkesanannya melalui nilai inklusiviti, keadilan, dan ketelusan (Fitriani, Sugianto, Andriani, Ernayani, & Setyawati, 2024). Dari sudut kesihatan, kajian lapangan di Semporna, Sabah, mendapati keperluan kesihatan primer yang ketara dalam kalangan komuniti tanpa kewarganegaraan, dengan perkhidmatan jangkau luar sukarela dan peranan pengantara budaya terbukti berkesan mengatasi halangan akses (Harris, Ooi, Lee, & Matanjun, 2019; How & Ng, 2024). Kerjasama pelbagai pihak dalam usaha sedemikian merupakan manifestasi jelas *taʿāwun* dalam tindakan, khususnya bagi komuniti yang berdepan kekangan akses seperti di Sandakan.

Perspektif Islam turut menyokong keseluruhan pendekatan ini. Islam melihat kemiskinan sebagai isu menyeluruh merangkumi aspek ekonomi, sosial, dan spiritual (Priawan & Iqbal, 2024), dengan *al-Qur'ān* menekankan persaudaraan (*ʾuḫuwwah*), kerjasama, dan kesaksamaan sebagai asas pemberdayaan (Sany, 2019) melalui pengurusan berkesan instrumen amal seperti *ṣadaqah*, *infāq*, *waqf*, dan *hibah* (Mahmudah, 2019). Contoh nyata pendekatan ini dapat dilihat pada organisasi Islam seperti Muhammadiyah di Indonesia, yang berjaya memberdayakan komuniti melalui pengurusan Islam moden merangkumi revitalisasi potensi umat, struktur organisasi yang tersusun, dan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan (Tampubolon, 2019) – suatu manifestasi *taʿāwun* yang sistematik dan boleh dijadikan rujukan bagi konteks komuniti perkampungan pelupusan sampah di Sandakan.

https://doi.org/10.24191/jcis.v12i2.4 ©Authors, 2026

Justifikasi dan Fokus Kajian

Secara keseluruhan, kajian-kajian lepas daripada konteks Takaful (Puad, Ahmad, Shahar, & Mukhsar, 2023), institusi masjid (Khalli, et al., 2024), hingga pengurangan kemiskinan di Makassar (Matandra et al., 2020) konsisten membuktikan keberkesanan *taʿāwun* dalam memacu pembangunan sosioekonomi komuniti. Kajian (Sarif, Ismail, & Zainudin, 2024) turut menekankan potensi besar *taʿāwun* dalam memacu *responsible consumption* dan pembangunan mampan, namun mendapati keberkesanannya bergantung kepada prasyarat tertentu – komunikasi terbuka, kepercayaan, akauntabiliti, dan kesedaran keagamaan (takwa) yang mantap dalam kalangan ahli komuniti.

Persoalannya, kajian-kajian ini kesemuanya dijalankan dalam konteks komuniti yang relatif berstruktur dan mempunyai asas infrastruktur formal. Masih belum ada kajian empirikal yang meneliti sejauh mana prasyarat-prasyarat ini kekal relevan dan boleh dipraktikkan dalam komuniti yang berhadapan dengan peminggiran sosioekonomi paling ekstrem – iaitu komuniti tanpa kerakyatan, tanpa infrastruktur asas, dan bergantung sepenuhnya kepada aktiviti tidak formal seperti di perkampungan pelupusan sampah.

Kelompangan inilah yang mendorong kajian ini. Justeru, kajian ini menyumbang kepada kesarjanaan sedia ada melalui dua aspek utama. Pertama, meneroka amalan *taʿāwun* dalam konteks populasi yang belum pernah dikaji secara empirikal iaitu komuniti tanpa kerakyatan di perkampungan pelupusan sampah; dan kedua, mengintegrasikan kerangka pemberdayaan Islam (*ḍuʿafāʾ, mustaḍʿafīn, farḍ kifāyah*, *maqāṣid al-sharīʿah*) dengan teori pemberdayaan konvensional (ABCD, Sen, Chambers) sebagai satu kerangka analisis bersepadu. Makalah ini bertujuan meneliti peranan *taʿāwun* dalam memberdayakan komuniti perkampungan pelupusan sampah di Sandakan, dengan mengambil kira kegiatan sosioekonomi komuniti tersebut, agar strategi pemberdayaan berasaskan *taʿāwun* yang lebih efisien dan praktikal boleh diutarakan.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes (Creswell, 2014; Yin, 2018), yang sesuai untuk meneroka fenomena sosial seperti *taʿāwun* secara mendalam dan holistik dalam konteks sebenar. Kajian dijalankan di perkampungan pelupusan sampah, Jalan Lintas Sibuga, Batu 8, Sandakan, Sabah (koordinat 5.867650, 118.024396) – lokasi dipilih berdasarkan kadar komuniti tanpa kewarganegaraan tertinggi di Malaysia yang direkodkan di Sabah, serta kewujudan penempatan tidak rasmi yang menjadi topik signifikan dalam pelbagai liputan media (termasuk Buletin TV3).

Strategi "persampelan bertujuan" digunakan sebagai kaedah utama pemilihan informan, dilengkapi *snowball sampling* bagi mengembangkan rangkaian informan memandangkan akses kepada komuniti tertutup ini agak terhad (Creswell & Poth, 2018). Seramai tujuh (7) informan terlibat, terdiri daripada tiga kategori: (i) empat (4) ahli jawatankuasa NGO Imam al-Nawawi (Pengerusi dan tiga AJK) mewakili aktivis sosial; (ii) seorang (1) ketua komuniti perkampungan pelupusan sampah mewakili pemimpin komuniti; dan (iii) dua (2) penduduk kampung yang aktif bersama NGO, termasuk seorang tenaga pengajar muda dalam komuniti tersebut. Informan dipilih kerana mereka "*directly experienced the phenomenon*" (Creswell & Poth, 2018) dan mampu memberikan naratif langsung tentang manifestasi *taʿāwun*. Selaras dengan prinsip kajian kualitatif, bilangan informan tidak ditentukan secara statistik terlebih dahulu, sebaliknya berdasarkan prinsip saturasi data (Morse, 1995) – pengumpulan data dihentikan apabila maklumat baharu tidak lagi diperoleh, yang mencukupi bagi konteks komuniti homogen sebegini (Braun & Clarke, To saturate or not to saturate? Questioning data saturation as a useful concept for thematic analysis and sample-size rationales., 2019). Kekangan geografi dan capaian bahasa turut menjadi pertimbangan praktikal dalam menentukan skop persampelan.

Data dikumpul melalui tiga kaedah bersepadu. Pertama, kajian kepustakaan – penelitian artikel jurnal, buku ilmiah, laporan NGO, dan dokumen rasmi berkaitan komuniti terpinggir, *taʿāwun*, dan

teori pemberdayaan daripada al-Qur'ān dengan merujuk kepada terjemahan dan tafsir – bertindak sebagai asas kerangka konseptual kajian (Creswell & Poth, 2018; Alpandi, Ali, & Anuar, 2023). Kedua, temu bual separa berstruktur dijalankan bagi meneroka pengalaman hidup, amalan *taʿāwun*, dan cabaran sosioekonomi informan; format ini dipilih kerana fleksibilitinya membolehkan penerokaan mendalam terhadap "*how*" dan "*why*" di sebalik fenomena kajian (Chong, 2022). Pemerhatian ikut-serta turut dijalankan semasa aktiviti gotong-royong komuniti. Ketiga, analisis dokumen (laporan NGO, pelan pembangunan tempatan, rekod aktiviti komuniti) dijalankan untuk menyokong dan mentriangulasi dapatan temu bual dan pemerhatian.

Data dianalisis menggunakan analisis tematik (Braun & Clarke, 2006) melalui tiga langkah: (i) transkripsi dan pengkodan awal berdasarkan tema seperti "bentuk *ta'āwun*" dan "cabaran sosioekonomi"; (ii) pengecaman pola dan tema berulang seperti bentuk kerjasama dan mekanisme sokongan; dan (iii) pentafsiran data dalam kerangka teori *ta'āwun* dan pemberdayaan yang dibina daripada kajian kepustakaan, dengan itu mengintegrasikan dapatan lapangan dengan asas konseptual kajian secara langsung. Analisis dijalankan secara manual menggunakan jadual kod dan matriks tema, sesuai dengan skop data kualitatif yang mendalam dan terhad.

Kesahan dan kebolehpercayaan data dipastikan melalui triangulasi antara temu bual, pemerhatian, dan dokumen (Denzin, 1970/2009). Etika kajian dipatuhi melalui: persetujuan termaklum (bertulis/lisan) daripada semua peserta; kerahsiaan identiti informan menggunakan kod (contoh: Inf1-Inf7); dan kepekaan terhadap norma budaya komuniti sepanjang proses kajian. Khusus bagi seorang informan bawah umur (17 tahun) dalam kajian ini, sesi temu bual dijalankan dengan kehadiran bersama bapanya yang turut merupakan ketua komuniti (Inf5), bagi memastikan pematuhan etika perlindungan kanak-kanak dan kelulusan penjaga secara langsung.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Demografi Komuniti Perkampungan Pelupusan Sampah, Sandakan

Perkampungan pelupusan sampah di Sandakan terdiri daripada beberapa buah kampung yang tidak berdaftar dengan nama yang tidak rasmi, antaranya ialah Kampung Pisang, Kampung Baru, Kampung Melayu, Kampung Bakau, Kampung Wantutik, Kampung Kandang Kuda, dan Kampung Keluarga. Anggaran penduduk adalah sekitar 1,000 lebih orang, terdiri daripada pelbagai latar keluarga yang majoritinya berbangsa Suluk dan Bajau serta beragama Islam. Status komuniti kajian sama ada pendatang atau penduduk asal yang tidak memiliki dokumen pengenalan diri rasmi. Kebanyakkannya bekerja dalam sektor tidak formal seperti, buruh kasar, tukang masak dan pelayan di restoran dengan gaji hari, perikanan dan pertanian kecil-kecilan, runcit, serta sangat sedikit bilangan yang mengutip dan mengitar semula barangan terbuang daripada pusat pelupusan sampah. Dapatan kajian ini signifikan dalam menghapuskan stigma masyarakat tentang sumber ekonomi utama komuniti ini yang berpaksikan sampah. Walaupun serba kekurangan, komuniti ini secara fitrah menunjukkan jaringan sosial yang kukuh, khususnya dalam bentuk budaya kerjasama, gotong-royong, dan amalan bersedekah dalam aktiviti seperti penambahbaikan bangunan surau, pemberian makanan kepada tetamu dari kalangan aktivis NGO yang datang berkunjung melawat dan mengajar anak-anak mereka.

Peranan *Taʿāwun* dalam Kemandirian Komuniti Terpinggir

Dalam kerangka Islam, *taʿāwun* bukan sekadar bantuan biasa, tetapi satu bentuk kerjasama yang berlandaskan nilai kemanusiaan dan solidariti sosial yang telah digariskan dalam ajaran Islam. Dalam konteks komuniti di perkampungan pelupusan sampah, nilai *taʿāwun* ini dapat dilihat melalui amalan bertolongan atas dasar agama, berkongsi sumber secara sukarela, bantuan dan sokongan dari luar, serta jaringan sosial berasaskan kepercayaan.

https://doi.org/10.24191/jcis.v12i2.4 ©Authors, 2026

Perkara ini dibuktikan melalui data temu bual bersama informan berikut:

Jadual 1. Bertolongan Atas Dasar Agama Dan Ihsan Sesama Manusia

Tema	Transkripsi temubual	Informan
Bertolongan atas dasar agama dan Ihsan sesama manusia	Kalau tengok situasi di kampung tu, …sebilangan besar dia bukan yang terpaksa tu, dia macam memang nilai kemanusiaan tu ada sesama deorang juga kan, aa sedangkan kami ni orang luar yang sepatutnya kita yang membagi memang kami selalu membagi, tapi bila kami masuk kampung ni kami yang dibagi macam-macam "ustaz sini masuk sini makan" segala makanan deorang hidang untuk kita, maksudnya aa ada juga deorang punya secara semulajadi yang perasaan yang sama lah.	Inf1
	Macam surau tu, bila kita bagitau kita mau kasi pulih surau, deorang *offer* kami gotong-royong semua untuk buatkan.	
	Tulung-menulung di sini atas dasar agama, bukan sebab macam terpaksa.	Inf5
	Deorang mampu juga hidup sebaiknya walaupun gaji ada yang kadang sebulan tiada gaji langsung tapi still boleh *survive* atas belas ihsan juga lah sesama mereka. Itulah *basic* apa dalam *foundation* dalam kampung ni, agama. So tanpa agama deorang nda akan mau bantu orang, deorang akan biarkan ja, itu lah dia punya...	Inf3

Sumber: Penulis (2025)

Nilai *taʿāwun* tersebut menjadi asas utama kelangsungan hidup komuniti terpinggir tanpa kewarganegaraan yang sering disisihkan daripada sistem rasmi bantuan sosial. Kelangsungan hidup dapat direalisasikan dengan peningkatan akses kepada sumber asas, seperti makanan, pendidikan tidak formal, kesihatan asas, dan pembangunan kemahiran. Realiti yang berlaku dalam komuniti tersebut atas dasar nilai *taʿāwun* telah mengambil inisiatif untuk berkongsi sumber secara sukarela seperti yang dijelaskan oleh beberapa informan berikut:

Jadual 2. Perkongsian Sumber Secara Sukarela

Tema	Transkripsi temubual	Informan
Perkongsian sumber secara sukarela	Iya, bahagi-bahagilah kalau ada lebih lebihan kah	Inf5
	Deorang mampu juga hidup sebaiknya walaupun gaji ada yang kadang sebulan tiada gaji langsung tapi still boleh *survive* atas belas ihsan juga lah sesama mereka.	Inf3

Sumber: Penulis (2025)

Taʿāwun juga mempunyai kaitan dengan bantuan daripada pihak luar khususnya NGO yang memerlukan dana sokongan agar komuniti terpinggir di perkampungan pelupusan sampah dapat menghadapi cabaran semasa yang tidak menentu demi kelangsungan hidup. Bantuan dan sokongan daripada pihak luar diperlukan kerana keterbatasan mereka memikirkan sumber yang ada untuk kelangsungan hidup yang lebih baik. Situasi ini dapat dilihat melalui temu bual bersama beberapa informan dari kalangan aktivis NGO:

Jadual 3. Bantuan dan Sokongan Luar

Tema	Transkripsi temubual	Informan
Bantuan dan sokongan luar	Sama paling efektif tu pun memang deorang harap orang luar juga pun mau masuk ke sana, betul. Kalau hanya harapkan komuniti deorang seja memang deorang tidak ada perubahan, maksudnya memang mau ada orang dari luar juga.	Inf2
	Iya betul, *survive* sendiri boleh cuma dalam keadaan kita kena bantu juga lah.	
	Terbatas juga cara pemikiran dan idea deorang kurang.	Inf1

Sumber: Penulis (2025)

Senario ini dapat mencipta rangkaian atau jaringan sosial tidak formal berdasarkan kepercayaan yang menggantikan kekosongan sokongan institusi rasmi daripada pihak kerajaan, sehingga proses pemberdayaan menjadi lebih mudah. Perkara ini dijelaskan melalui transkripsi temu bual berikut:

Jadual 4. Jaringan sosial atas dasar kepercayaan

Tema	Transkripsi temu bual	Informan
Jaringan sosial atas dasar kepercayaan	Habistu bila orang sudah kenal NGO ni ramai orang dulu suka bagi bantuan pakaian-pakaian terpakai kan, jadi deorang *passing* sama kami pakaian terpakai jadi kami datang mungkin ini jalan pertama cara kita masuk untuk berkenalan dengan orang kampung.	Inf1
	…tapi bila kita masuk deorang sambut kita dengan baik, … jadi kami masuk kali kedua buat benda yang samaaa, awal-awal tu kita buat benda-benda kebajikan dulu.	
	Sampailah satu masa kami sudah sebulat suara bincang dengan kita ada satu NGO juga yang kebetulan kami kenal dengan kami dari semenanjung, kami jadikan Kampung Melayu tu tempat pertama untuk kita buat pendidikan agama percuma, fokus kami agama.	
	Bila buat kebajikan tu deorang sudah nampak kita macam tadi ustaz cakap ".. dia muka beras" deorang nampak kita deorang kenal, deorang kenal, "oh ni kami kenal" dia percaya yang masuk vaksin pun siap. Ada satu orang tua yang *menawarkan untuk* tolong panggil semua satu kampung. Awal banyak juga yang menolak "kalau ni mau divaksin ni aku dihantar balik Filipin" ….anaknya ada yang cakap begitu aaa. Tapi sebab percaya, deorang semua berkumpul lah dan memudahkan kerja KKM lah kan, sebab vaksin tu mesti dapat semua baru mudah sikitlah untuk ditangani kes covid ni. Tapi alhamdulillah lah sebab kebajikan yang kami jalankan sebelum ni kan mudah masuk sampai pendidikan pun mudah masuk, vaksin pun panggil semua dipercaya lah.	Inf4

Sumber: Penulis (2025)

Hasil kajian daripada data temu bual bersama informan di lapangan sama ada temubual bersama informan dari kalangan komuniti yang tinggal di perkampungan pelupusan sampah ataupun aktivis NGO, menunjukkan bentuk bantuan tidak bersifat unilateral (sepihak) dan paternalistik (membuat keputusan tanpa memberi mereka hak untuk memilih sendiri). Sebaliknya, *taʿāwun* menekankan hubungan dua hala yang setara dan bermaruah. Ia memberi ruang kepada penerima untuk turut serta dalam proses pemberdayaan, seterusnya mengiktiraf keupayaan mereka sebagai agen perubahan dalam komuniti sendiri. Amalan saling bertolongan, sikap empati yang lahir daripada nilai ihsan sesama manusia, serta dasar saling percaya yang terbentuk melalui jaringan sosial hasil *taʿāruf* daripada aktiviti kebajikan telah memberi impak besar dalam proses pemberdayaan komuniti terpinggir.

Dapatan kajian turut menjelaskan bahawa *taʿāwun* dimanifestasikan dalam bentuk perkongsian sumber dan tenaga kerja, yang menjadi asas kepada kelangsungan hidup dalam komuniti. Dalam persekitaran yang terhad dari segi pelbagai sudut sosioekonomi, komuniti tanpa kewarganegaraan sering membentuk jaringan sosial dalaman yang berfungsi sebagai saluran pengagihan makanan, penginapan, pakaian, dan sumber asas lain secara adil.

Strategi Pemberdayaan Komuniti Terpinggir Berasaskan *Taʿāwun*

Kajian ini mencadangkan agar pemberdayaan komuniti terpinggir berasaskan *taʿāwun* yang melibatkan golongan *ḍuʿafāʾ* di perkampungan pelupusan sampah, Sandakan boleh dilaksanakan berdasarkan Model Mikro Kewangan Berasaskan *Waqf* dan *Crowdfunding* (WCM)/ Kutipan Dana Awam. Model Kewangan WCM ini merupakan hasil kajian Salaudeen (2024) yang mengetengahkan strategi intervensi bagi meningkatkan sosioekonomi dan daya tahan komuniti. Walaupun model ini diwujudkan untuk komuniti dengan status pelarian, model ini sememangnya sesuai diterapkan dalam pemberdayaan komuniti tanpa kewarganegaraan di perkampungan pelupusan sampah. Model ini

dicadangkan kerana ia berasaskan prinsip *taʿāwun* dengan penglibatan sokongan daripada pelbagai pihak yang berkepentingan untuk memanfaatkan sumber ”tanah *waqf* yang tidak dibangunkan” (*undeveloped waqf land*, [UWL]) serta *crowdfunding* ekuiti sebagai punca dana (Salaudeen & Zakariyah, 2022; Zakariyah, Salaudeen, & Othman, 2023). Melalui mekanisme ini, UWL akan disalurkan oleh institusi *waqf* di bawah *ʾijārah* kepada Institusi Mikro Kewangan Islam (IMFI). IMFI kemudian bertindak sebagai pengantara untuk melaksanakan program mikro kewangan berasaskan pertanian dengan komuniti miskin berdekatan tanah *waqf* (Engku Ali, 2019). Langkah ini menanamkan disiplin pengurusan, memastikan kelestarian tanah, dan menghasilkan menfaat ekonomi melalui penglibatan dalam aktiviti keusahawanan pertanian.

Sumber kewangan bagi projek ini diperoleh daripada platform *crowdfunding* berasaskan ekuiti, yang akan membolehkan pelabur menyumbang dana dengan pulangan berdasarkan kejayaan projek (*payment-by-success*) (Marwan & Haneef, 2019). Mekanisme ini memberi peluang kepada pelabur untuk menyokong usaha mengurangkan kemiskinan dengan pulangan yang jelas, sementara komuniti miskin memperoleh modal perniagaan yang sukar diperoleh daripada saluran konvensional. IMFI (Salaudeen & Zakariyah, 2022) turut memainkan peranan penting dengan menyediakan latihan keusahawanan, kewangan, dan pertanian, mencontohi kejayaan model Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) yang menggunakan sistem pinjaman berkumpulan dan tanggungan sosial (*social collateral*) bagi mengurangkan kadar kegagalan serta meningkatkan kebolehan komuniti untuk menjana pendapatan.

Dari sudut pandang kontrak Syariah, model ini menggabungkan tiga instrumen utama yang saling melengkapi untuk memastikan keseluruhan rantaian kewangan patuh Syariah (Salaudeen, 2024). Pada peringkat pertama, (i) kontrak *ʾijārah* digunakan bagi mengesahkan urus niaga sewaan tanah *waqf* kepada IMFI, membolehkan tanah tersebut dimanfaatkan secara sah dalam projek mikro kewangan tanpa mengubah status *waqf* asalnya. Seterusnya, hubungan antara pelabur *crowdfunding* dan IMFI diatur melalui (ii) kontrak *muḍārabah*, iaitu perkongsian untung-rugi yang membolehkan pelabur menyumbang modal sambil IMFI bertindak sebagai pengurus projek. Struktur ini memastikan risiko dan pulangan ditanggung secara adil oleh kedua-dua pihak, selaras dengan prinsip *maqāṣid al-sharīʿah*. Akhir sekali, penyaluran dana kepada penerima manfaat (komuniti terpinggir) dilaksanakan melalui kontrak *murābaḥah* atau *tawarruq*, kaedah pembiayaan mikro yang membolehkan komuniti memperoleh modal perniagaan secara patuh Syariah tanpa unsur riba. Ketiga-tiga instrumen ini beroperasi secara berturutan dalam satu rantaian nilai – daripada pengaktifan aset *waqf* (*ʾijārah*), melalui pengumpulan dan pengurusan dana (*muḍārabah*), sehingga penyaluran modal kepada penerima akhir (*murābaḥah*/*tawarruq*) – dengan itu memastikan operasi kewangan model WCM telus, berkeadilan, dan patuh Syariah secara menyeluruh, selaras dengan usaha mengurangkan kemiskinan.

Akhirnya, hasil projek tidak hanya menjana pendapatan kepada komuniti, tetapi juga mewujudkan manfaat sosial bersepadu seperti penempatan yang diiktiraf, peluang pekerjaan, peningkatan keselamatan makanan, akses pendidikan dan kesihatan, serta sokongan kepada projek sosial lain melalui pulangan hasil *waqf* dan *crowdfunding*. Strategi ini berpotensi membina daya tahan jangka panjang bagi komuniti tanpa kewarganegaraan yang terperangkap dalam kitaran kemiskinan seperti komuniti yang tinggal di perkampungan pelupusan sampah, Sandakan.

KESIMPULAN

Dapatan kajian ini merumuskan bahawa pemberdayaan komuniti terpinggir di perkampungan pelupusan sampah, Sandakan, dibina melalui empat manifestasi *taʿāwun* yang saling berkait: (i) pertolongan atas dasar agama dan ihsan sesama manusia yang membentuk asas moral kerjasama; (ii) perkongsian sumber secara sukarela yang membolehkan kelangsungan hidup harian walaupun tanpa pendapatan tetap; (iii) bantuan dan sokongan luar daripada NGO yang mengisi jurang ketiadaan sokongan institusi rasmi; (iv) serta jaringan sosial atas dasar kepercayaan yang terbina secara beransur melalui aktiviti kebajikan berterusan, sehingga membuka laluan kepada intervensi lebih formal seperti

https://doi.org/10.24191/jcis.v12i2.4 ©Authors, 2026

pendidikan dan program kesihatan awam. Keempat-empat tema ini menunjukkan bahawa pemberdayaan dalam komuniti ini tidak berlaku secara unilateral atau paternalistik, sebaliknya terbentuk melalui hubungan dua hala yang setara - memberi ruang kepada komuniti sendiri untuk bertindak sebagai agen perubahan, bukan sekadar penerima bantuan pasif.

Kajian ini menyumbang kepada kesarjanaan sedia ada melalui dua aspek utama. Pertama, kajian ini merupakan antara kajian empirikal yang meneliti manifestasi *taʿāwun* dalam konteks komuniti tanpa kerakyatan yang paling terpinggir – iaitu komuniti yang bergantung sepenuhnya kepada aktiviti tidak formal di sekitar kawasan pelupusan sampah - berbanding kajian terdahulu yang lebih tertumpu kepada komuniti berstruktur seperti institusi Takaful atau masjid. Kedua, kajian ini mengintegrasikan kerangka pemberdayaan Islam (*ḍuʿafāʾ, mustaḍʿafīn, farḍ kifāyah*) dengan bukti lapangan sebenar, menunjukkan bagaimana nilai keagamaan diterjemahkan secara konkrit kepada tindakan kolektif harian. Implikasinya kepada pihak berkepentingan adalah jelas: bagi NGO dan agensi kerajaan, dapatan ini menegaskan kepentingan membina kepercayaan secara beransur (bukan bantuan sekali sahaja) sebelum program pemberdayaan formal dapat diterima komuniti; manakala bagi komuniti itu sendiri, dapatan ini mengiktiraf keupayaan sedia ada mereka sebagai asas yang boleh diperkukuh, bukan kekurangan yang perlu digantikan sepenuhnya oleh bantuan luar.

Sebagai cadangan lanjutan, kajian ini mengetengahkan Model Mikro Kewangan Berasaskan *Waqf* dan *Crowdfunding* (WCM) sebagai satu cadangan konseptual yang berpotensi memperkukuh dapatan *taʿāwun* yang diperoleh–khususnya dalam menstrukturkan bantuan luar dan jaringan kepercayaan yang telah wujud secara tidak formal menjadi mekanisme kewangan yang lebih tersusun dan mampan. Walau bagaimanapun, model ini belum diuji secara empirikal dalam konteks kajian ini, dan keberkesanannya dari segi kebolehlaksanaan, penerimaan komuniti, mahupun kelestarian jangka panjang belum diuji. Maka, kajian lanjutan yang khusus diperlukan untuk menguji pelaksanaannya di lapangan sebelum sebarang kesimpulan tentang keberkesanan dapat dibuat.

PENGHARGAAN

Ucapan penghargaan ditujukan kepada Universiti Malaysia Sabah yang telah membiayai kerja penyelidikan ini di bawah Skim Dana Khas kod geran SDK0205-2020 dan UMSGreat GUG0628-1/2023. Sekalung penghargaan turut dirakamkan kepada *Journal of Contemporary Islamic Studies* (JCIS), atas peluang menerbitkan hasil kajian ini. Ucapan terima kasih turut dizahirkan kepada Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia, Sabah; Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia, Sabah; serta Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Sabah atas sokongan, galakan, dan kerjasama yang telah diberikan sepanjang pelaksanaan penyelidikan ini. Penghargaan turut diberikan kepada para informan dan pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung atas kesudian berkongsi maklumat, pengalaman dan pendangan yang amat bernilai sehinggalah kajian ini disempurnakan.

PENYATA KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan tiada sebarang konflik kepentingan sama ada dari aspek kewangan, profesional atau hubungan peribadi, yang mampu mempengaruhi reka bentuk kajian, dari segi proses pengumpulan dan analisis data, pentafsiran dapatan atau penulisan artikel ini.

SUMBANGAN PENULIS

Mohamed Rahmat Tandra mengumpul dan menulis data; Suraya Sintang menulis, menyemak dan menambah baik penulisan artikel; dan Mohd Nazmi Mohd Kahalli @ Sami menambah baik dan menyerahkan artikel.

 ©Authors, 2026

DEKLARASI AI

Kandungan yang dibantu AI: Penulis mengakui penggunaan alat Al bagi tujuan penjanaan atau bantuan dalam penghasilan kandungan yang disemak, disunting dan diintegrasikan secara menyeluruh ke dalam artikel ini. Anggaran sumbangan kandungan yang dijana oleh AI adalah sebanyak 8%.

REFERENCES

Albana, M. Z., Zulaiha, E., & Fathurrahman, A. A. (2026). Ta'awun dalam Al-Qur'an dan Kritik atas Resiprositas Instrumental: Dialog Tafsir dengan Social Exchange Theory George C. Homans. *Jurnal Syntax Imperatif: Jurnal Ilmu Sosial dan Pendidikan, 7*(4), 512-528. doi:http://doi.org/10.54543/syntaximperatif.v7i3.1170

Alpandi, A. H., Ali, N. B., & Anuar, A. (2023). Integrasi ilmu al-Qur'ān dan bidang kejuruteraan: Kajian analisis terhadap manfaat air dalam meningkatkan pengeluaran minyak mentah. *Journal of Contemporary Islamic Studies, 9*(1), 1-17. doi:https://doi.org/10.24191/jcis.v9i1.4

Al-Tabari. (1987). *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl Āy al-Qur'ān.* Dar al-Fikr. Didapatkan dari https://archive.org/details/taftabry25_26_202001/taftabry08/page/n51/mode/2up?view=theater

Arendt, H. (1951). *The Origins of Totalitarianism.* Schocken Books.

Atta, A. (2023). Financial Inclusion and Economic Empowerment: A Systematic Review. *International Journal of Development and Economic Sustainability, 11*(5), 1-16. doi:https://doi.org/10.37745/ijdes.13/vol11n5116

Azman Ab Rahman, S., Rahim, N. A., & Omar, M. K. (2017). Peranan Farḍ kifāyah dalam memenuhi keperluan ummah menurut perspektif maqasid al-shariah. *Sains Insani, 2*(1), 75-90. doi:https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol2no1.50

Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology, 3*(2), 77-101.

Braun, V., & Clarke, V. (2019). To saturate or not to saturate? Questioning data saturation as a useful concept for thematic analysis and sample-size rationales. *Qualitative Research in Sport, Exercise and Health, 11*(1), 3-16.

Buletin TV3. (2019, April 2). Aduan rakyat 3.0 | Sampah jadi lubuk rezeki. *Youtube*. Sandakan, Sabah, Malaysia. Didapatkan dari https://www.youtube.com/watch?v=QzP8An20ycU

Cahyani, D., & Widaningsih, L. (2019). Identification of the Marginalized Urban Communities Characteristics and Preferences. Dalam *Equity, Equality, and Justice in Urban Housing Development (ISTEcS 2019)* (hlm. 178-192). KnE Social Sciences. doi:https://doi.org/10.18502/kss.v3i21.4967

Chambers, R. (1997). *Whose reality counts? Putting the first last.* Intermediate Technology Publications. doi:https://doi.org/10.3362/9781780440453.000

Chong, S. L. (2022). Interviewing in qualitative research. *The Malaysian Journal of Qualitative Research, 8*(1), 1-10.

Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches.* Sage Publications.

Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry & research design: Choosing among five approaches.* Sage Publications.

Denzin, N. K. (1970/2009). *The research act: A theoretical introduction to sociological methods.* Transaction Publishers.

Don, A. G. (2022). Da'wah Maqasid Al-Syariah in Nurturing Community Well-Being. *Jurnal Pengajian Islam*, 249–258. Didapatkan dari https://jpi.uis.edu.my/index.php/jpi/article/view/168/128

 ©Authors, 2026

Engku Ali, E. R. (2019). Successful models of social finance initiatives: Lessons from Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). *14th International Shari'ah Scholars Forum [ISSF 2019].*

Fitriani, S., Sugianto, E., Andriani, S., Ernayani, R., & Setyawati, D. M. (2024). Inklusi keuangan dan pemberdayaan ekonomi: Evaluasi efektivitas produk keuangan syariah dalam meningkatkan akses keuangan bagi masyarakat marginal. *Al-Kharaj: Jurnal Ekonomi, Keuangan & Bisnis Syariah, 6*(7). doi:https://doi.org/10.47467/alkharaj.v6i7.2406

George, B., & Thomachan, K. T. (2018). Financial inclusion and women empowerment: A gender perspective. *International Journal of Research -GRANTHAALAYAH, 6*(5), 229-237. doi:https://doi.org/10.29121/granthaalayah.v6.i5.2018.1443

Gweshengwe, B., & Hassan, N. H. (2020). Defining the characteristics of poverty and their implications for poverty analysis. *Cogent Social Sciences, 6(1), 1768669*. doi:https://doi.org/10.1080/23311886.2020.1768669

Harris, H., Ooi, Y. B., Lee, J.-S., & Matanjun, P. (2019). Non-communicable diseases among low income adults in rural coastal communities in Eastern Sabah, Malaysia. *BMC Public Health., 19*(S4), 554. doi:https://doi.org/10.1186/s12889-019-6854-6.

Hassan, S. N., & Zakaria, N. (2011). Khidmat sukarela: Komitmen tulus dan murni yang merancakkan kegiatan aktiviti fardu kifayah [Kertas kerja persidangan]. USIM Research Repository. Didapatkan dari http://ddms.usim.edu.my/handle/123456789/9305

How, M. Y., & Ng, S. H. (2024). Swimming against the currents: Our experience providing primary healthcare services for the stateless community in Semporna. *Malaysian Family Physician, 19*, 21.

Ibnu Khaldun. (2005). *The Muqaddimah: An introduction to history (F. Rosenthal, Trans.; N. J. Dawood, Ed.; B. B. Lawrence, Intro.* Princeton University Press. doi:(Original work published 1967)

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2025). *Statistik migrasi antarabangsa, Malaysia, 2025.* Laporan Agensi Kerajaan. Didapatkan 2026, daripada https://www.dosm.gov.my/portal-main/release-content/international-migration-statistics-malaysia-2025

Khalli, M. N., Sharif, M. F., Akhir, N. S., Bakar, N. A., Chow, Y. F., & Sumari, P. (2024). Agama dan Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs): Peranan Rumah Ibadat dalam Kebajikan Masyarakat. *Afkar: Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam, 26*(2), 451-496. doi:https://doi.org/10.22452/afkar.vol26no2.12

Kretzmann, J. P., & McKnight, J. L. (1993). *Building communities from the inside out: A path toward finding and mobilizing a community's assets.* Chicago: ACTA Publications.

Levitas, R., Pantazis, C., Fahmy, E., Gordon, D., Lloyd, E., & Patsios, D. (2007). *The multi-dimensional analysis of social exclusion.* University of Bristol. Didapatkan dari https://www.researchgate.net/publication/267222796_The_Multi-Dimensional_Analysis_of_Social_Exclusion

Mahmudah, H. (2019). Kemiskinan dan filantropi Islam. *J-ESA (Jurnal Ekonomi Syariah), 2*(1), 1-21.

Majma' al-Lughah al-Arabiyyah. (2004). *Al-Mu'jam al-Wasit* (ed. 4th, Jld. 2). Majma' al-Lughah al-Arabiyyah.

Mapa, M. T., Sahido, M. H., Jafar, A., & Sakke, N. (2024). Social and economic aspects of the scavengers at the waste disposal site in Sandakan, Sabah, Malaysia. *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science*, *1406(1), 012014.* doi:https://doi.org/10.1088/1755-1315/1406/1/012014

Marwan, S., & Haneef, M. A. (2019). Does doing good pay off? Social impact bonds and lessons for Islamic finance to serve the real economy. *Islamic Economic Studies, 27*(1), 23-37. doi:https://doi.org/10.1108/IES-05-2019-0001

Matandra, Z., Wahab, A., & Syaharuddin, S. (2020). Taʿāwun's role in alleviating poverty in Makassar City. *Gorontalo Development Review, 3*(2), 72-87. doi:https://doi.org/10.32662/golder.v3i2.1151

 ©Authors, 2026

McKee, G., Kagan, A., & Ghosh, A. (2019). Small asset credit union executive succession concerns. *Journal of Co-operative Organization and Management, 7*(1), 26-33. doi:https://doi.org/10.1016/j.jcom.2019.03.001

Mohd Khalli, M. N., Sintang, S., Mohd Khambali @ Hambali, K., Marinsah, S. A., & Abdul Rahman, N. F. (2021). Models of religious solidarity among various beliefs in Sabah, Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Studies (JCIS), 7*(2), 17-40.

Morse, J. M. (1995). The significance of saturation. *Qualitative Health Research, 5*(2), 147-149.

Muhamad, S. N., Mohamed, A. K., Haron, Z., & Abdul Rahman, S. A. (2004, September 4-6). Budaya penyayang dalam kehidupan masyarakat Islam: Antara teori dan praktis [Kertas kerja tidak diterbitkan]. *Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004)*. Langkawi, Malaysia. doi:https://repo.uum.edu.my/id/eprint/1804

Novanto, R. A., & Aji, T. S. (2021). Pemberdayaan Kaum Du'afa dalam Perspektif Al Qur'an. *AL MUFASSIR, 3(1)*, 60–73. doi:https://doi.org/10.32534/amf.v3i1.1744

Priawan, F., & Iqbal, I. (2024). Pengentasan kemiskinan dalam perspektif Islam. *Nexus, 1*(7), 231-239. doi:https://doi.org/10.62504/Nexus804

Puad, N. A., Ahmad, K. A., Shahar, W. S., & Mukhsar, A. N. (2023). Analyzing the principles of Taawun in contributing to socio economic objectives by Malaysian Takaful Operator. *International Journal of Academic Research in Accounting, Finance and Management Sciences, 13*, 204-222. doi:http://dx.doi.org/10.6007/IJARAFMS/v13-i3/18859

Putnam, R. D. (2000). *Bowling alone: The collapse and revival of American community.* New York: Touchstone Books/Simon & Schuster.

Rahman, N. A., & Zakaria, Z. (2018). Kecekapan pengurusan koperasi di Malaysia [The efficiency of co-operative management in Malaysia]. *Journal of Nusantara Studies (JONUS), 3*(2), 134-146. doi:https://doi.org/10.24200/jonus.vol3iss2pp134-146

Rappaport, J., Swift, C., & Hess, R. (1984). *Studies in empowerment: Steps toward understanding and action.* New York: Haworth Press.

Salaudeen, A. O. (2024). Proposing an effective waqf model for ensuring poverty reduction among refugees in Malaysia. *F1000Research, 13*, 763. doi:https://doi.org/10.12688/f1000research.149944.1

Salaudeen, A. O., & Zakariyah, H. (2022). Challenges hindering Islamic microfinance banks' sustainable financial inclusion: A case of Al-Hayat Microfinance Bank in Ogun State, Nigeria. *El-Barka: Journal of Islamic Economics and Business, 5*(1), 24-50. doi:https://doi.org/10.21154/elbarka.v5i1.3930

Samper, J., & Liao, L. (2023). Testing the informal development stages framework. *Urban Science 7(5)*, 503. doi:https://doi.org/10.3390/urbansci7020050

Sany, U. P. (2019). Prinsip-prinsip pemberdayaan masyarakat dalam perspektif Al-Qur'an. *Jurnal Ilmu Dakwah, 39*(1), Article 3989. doi:https://doi.org/10.21580/jid.v39.1.3989

Sarif, S. M. (2018, April). Effects of strategic Ta'awun on sustainable, entrepreneurial and urbanised smart society in Muslim world. *Journal of Education and Social Sciences, 9*(3), 40-46. Didapatkan dari https://irep.iium.edu.my/63438/

Sarif, S. M., Ismail, Y., & Zainudin, D. (2024). *Empowering responsible consumers through taʿāwun (mutual cooperation) for sustainability* (Jld. 133). European Publisher. doi:https://doi.org/10.15405/epsbs.2024.05.8

Sarif, S. M., Ismail, Y., Dahlan, A. R., Ibrahim, J., Osmane, R. A., Jaapar, G., & Zainudin, D. (2021). Cooperative behaviour (taʿāwun) between mosques and civic organisations in empowering asnafpreneurs through IIUM M-Kitchen® project. *Proceedings of the 2nd Kedah International Zakat Conference 2021 (i-KEIZAC 2021)* (hlm. 199-210). International Islamic University Malaysia.

 ©Authors, 2026

Sen, A. (1999). *Development as freedom.* Oxford: • Oxford University Press.

Soth, A. (2022, November 30). Cairo's Zabbaleen and secret life of trash. *JSTOR Daily*. Didapatkan dari https://daily.jstor.org/cairos-zabbaleen-and-secret-life-of-trash/

Tampubolon, I. (2019). Muhammadiyah dan pemberdayaan masyarakat Islam. *Jurnal at-Taghyir: Jurnal Dakwah dan Pengembangan Masyarakat Desa, 1*(1), 54-68. doi:https://doi.org/10.24952/taghyir.v1i1.1047

Townsend, P. (1979). *Poverty in the United Kingdom: A survey of household resources and standards of living.* London: Penguin Books.

UN-Habitat. (2023). *Gap presentation as handout: UN-Habitat assembly.* Presentation handout. Didapatkan dari https://unhabitat.org/global-action-plan-accelerating-for-transforming-informal-settlements-and-slums-by-2030

UNHCR Malaysia & TNG Digital. (2025). *UNHCR Malaysia and TNG Digital empower refugees with financial access through TNG eWallet.* UNHCR Malaysia. Didapatkan dari https://www.unhcr.org/my/news/press-releases/unhcr-malaysia-and-tng-digital-empower-refugees-financial-access-through-tng?utm

UNHCR. (n.d.). *Stateless People.* Didapatkan Febuari 10, 2026, daripada https://www.unhcr.org/about-unhcr/who-we-protect/stateless-people?utm

Wiącek, K. (2020). The Cairo Garbage City as a self-sufficient "inner city.". *Quart, 1(55)*. doi:https://doi.org/10.11588/quart.2020.1.72515

World Bank. (2020). *Poverty and shared prosperity report.* World Bank. Didapatkan dari https://www.worldbank.org/en/publication/poverty-and-shared-prosperity-2020

Yin, R. K. (2018). *Case study research and applications: Design and methods.* Sage Publications.

Yolleng, A., Haddade, A. W., & Fatmawati, F. (2023). The Implementation of Taʿāwun Concept in Wahdah Inspirasi Zakat to Diminish the Poverty in Makassar City. *International Journal of Islamic Studies, 3*(2), 175-190. doi:https://doi.org/10.24252/ijis.v3i2.43344

Zakariyah, H., Salaudeen, A. O., & Othman, A. H. (2023). The determinants of financial technology adoption amongst Malaysian waqf institutions. *International Journal of Social Economics, 50*(9), 1302–1322.

© 2026 by the authors. Submitted for possible open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY SA) license (https://creativecommons.org/licenses/by-sa/4.0/).